


BILANGAN 05 LEBIH MEMBURUKKAN



Lebih memburukkan lagi, hanya selepas satu tahun berumahtangga, Encik K menceraikan isterinya dengan talak tiga!

Lebih bermaksud melampaui had yang sepatutnya, atau telah bertambah, semakin, baki, sisa dan lain-lain lagi.

Kekata 'lebih' juga dianggap sebagai kata penguat depan. Sama halnya dengan kekata agak, begitu, paling, terlalu dan sebagainya. Ayat contoh:

- 01 Lampu itu **lebih** terang daripada lampu di biliknya.
- 02 Buku yang dibawanya itu **agak** tebal.
- 03 Penerangannya **begitu** jelas sehingga tiada seorang peserta pun yang bertanya.
- 04 Murid lelaki itu **paling** tinggi di kelasnya.
- 05 Pakaian itu **terlalu** mahal.

Biasanya kata penguat, diikuti dengan kata adjektif.
Contoh:

- 06 lebih buruk (bukan lebih memburukkan)
- 07 agak tinggi (bukan agak meninggikan)
- 08 paling bersih (paling membersihkan)

Jadi, petikan di sebelah kiri anda seharusnya ditulis begini:

- 09 Lebih **buruk** lagi, hanya selepas satu tahun berumahtangga, Encik K menceraikan isterinya dengan talak tiga.

Seperkara lagi, ayat tersebut tidak boleh diakhiri dengan tanda seru kerana petikan tersebut bukan merupakan ayat seru.